

MAHATHIR-MCA

KUALA LUMPUR, 23 MEI (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATQ BARISAN NASIONAL TIDAK MAMPU MEMPUNYAI PARA PEMIMPIN YANG SIFATNYA CUMA SEBAGAI 'POSMEN' UNTUK MENYAMPAIKAN TUNTUTAN-TUNTUTAN KERANA DITEKAN OLEH PENYOKONG PERINGKAT BAWAHAN.

SEBALIKNYA, APA YANG DIPERLUKAN IALAH PEMIMPIN YANG BOLEH MENGHADAPI RAKYAT DAN MEMBERITAHU MEREKA MENGAPA SETENGAH-SETENGAH TUNTUTAN TIDAK DAPAT DIPENUHI, ATAU MENGAPA IA TERPAKSA LAMBAT DILAKSANAKAN ATAU MENGAPA IA CUMA DAPAT DILAKSANAKAN SECARA SEDRHANA SAHAJA.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN PARA SETIUSAHA DAN PENERUSI BAHAGIAN DAN CAWANGAN MCA DARI SELURUH NEGARA DI WISMA MCA DI SINI HARI INI. DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN PARA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL JANGAN DIDORONG PERASAN TETAPI SETIAP LANGKAH UNTUK MENCORAKKAN MASA DEPAN TANAHAIR MESTILAH DIATUR DENGAN RASJ PENUH TANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT DAN NEGARA. --BERSAMBUNG 1258/OM

MAHATHIR -MCA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGESA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL BERUSAHA MELANJUTKAN TEMPOH KESTABILAN EKONIMI DAN POLITIK NEGARA INI SEHINGGA MENJADI SUATU CIRI YANG BERPANJANGAN.

BELIAU INGINKAN SATU BENTUK KESTABILAN WUJUD SUPAYA PENDUDUKNYA KEKAL MENETAP DI TANAHAIR INI DAN TIDAK PULA LARI KE NEGARA LAIN BILA KEADAAN TIDAK SECUCUK DENGAN KEHENDAK MEREKA.

PERDANA MENTERI YAKIN INI BOLEH DILAKUKAN MEMANDANGKAN NEGARA TELAH MENIKMATI KESTABILAN SELAMA 25 TAHUN YANG HANYA TERCEMAR OLEH SATU SAHAJA KEJADIAN BURUK DALAM TAHUN 1969.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATQ ASAS YANG MELAHIRKAN KESTABILAN SEHINGGA SUKU ABAD SETAKAT INI SUDAH PUN ADA DAN APA YANG PATUT DILAKUKAN IALAH MENGHADAPI KELEMAHAN ATAU KEPINCANGAN YANG ADA SERTA MEMBETULKANNYA.

PERDANA MENTERI INGIN MELIHAT SATU BENTUK KESTABILAN YANG SEUNGGUL-UNGGUL YANG BOLEH KERANA ITULAH HASRAT RAKYAT KERAJAAN BARISAN NASIONAL SEKARANG. --BERSAMBUNG 1314/OM

MAHATHIR-MCA 3 KUALA LUMPUR

KATA PERDANA MENTERI, +KITA TIDAK BOLEH MENGHAMPAKAN RAKYAT TETAPI DALAM PADA ITU KITA TERUS MEMEINTAH MEREKA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA INI SEMEMANGNYA SUDAH PUN MEMPUYAI ASAS UNTUK DIGERAKKAN BAGI MENJADIKANNYA NEGARA YANG DAPAT DUDUK SAMA RENDAH DAN BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU LAIN.

ASAS ITU IALAH KESEPAKATAN ANTARA PARTI-PARTI DALAM BARISAN NASIONAL YANG BELIAU CONTAHKAN SEBAGAI JENTERA YANG KINI HANYA PERLU DI +FINE-TUNE+ SAHAJA UNTUK BERGERAK SEPERTI ENJIN KERETA +ROLLSROYCE+ IAITU JENTERA YANG BEGITU LICIN SEHINGGA TIDAK DISEDARI IANYA BERGERAK.

SECARA BERSELOROH, PERDANA MENTERI MEMBUAT PARA HADIRIN GELAK KETAWA DENGAN KOMENNYA, +KITA TAHU BAHAWA ENJIN ROLLS ROYCE IALAH BUATAN BRITISH DAN KITA TIDAK AKAN MEMBELINYA, TETAPI KITA AKAN TIRU APA YANG BOLEH MEMBERI MANFAAT KEPADA KITA.+

KATA PERDANA MENTERI, KITA TELAH PUN MENCIPTQ JENTERA BERKENAAN IAITU KESEPAKATAN SESAMA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DAN REKABENTUK JENTERA ITU BEGITU SESUAI DAN SEPADAN. YANG P PERLU SEKARANG IALAH UBAHSUAI DI SANA SINI SUPAYA IA BERJALAN LICIN LAGI TANPA DIRASAI GEGARANNYA+. --BERSAMBUNG 1335/0M

MAHATHIR-MCA 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA MCA KERANA KEMENANGAN DALAM PILIHANRAYA UMUM YANG LALU DAN MENSIFATKANNYA SEBAGAI KEMUNCIAK PRESTASI PARTI ITU YANG ASALNYA SEBUAH BADAN KEBAJIKAN SAHAJA.

KEMENANGAN ITU BUKAN SAHAJA BERERTI RAKYAT KETURUNAN CINA SEMAKIN YAKIN KEPADA MCA DAN BARISAN BAHKAN MENAMBAHKAN LAGI TANGGUNGJAWAB AHLI-AHLI MCA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN PARA AHLI MCA BAHWA MEREKA, SEPERTI JUGA AHLI-AHLI UMNO ATAU LAIN-LAIN KOMPONEN BARISAN NASIONAL BUKANNYA AHLI PARTI PEMBANGKANG YANG MUDAH MEMBUAT KECAMAN ATAU MEMBUAT JANJI TANPA PERLU MEMBIMBANGKAN BAGAIMANA HENDAK MEMENUHI JANJI ITU.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA TIDAK ADA GUNA MANA-MANA PIHAK DALAM BARISAN NASIONAL YANG CUMA TAHU MEMBANGKITKAN PERKARA-PERKARA YANG AKAN MENJADI ISU-ISU TIDAK BERKEPUTUSAN ATAU MEMBANGKITKAN PERASAAN UNTUK SESUATU YANG TIDAK BOLEH DISELESAIKAN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MAHU TIDAK MAHU, SEMUA PIHAK PERLU BEKERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN AKAN HANYA WUJUD JIKA SEMUA PIHAK SENTIASA DAPAT BERSUA MUKA DAN TIDAK TERPISAH ANTARA SATU SAMA LAIN.

KETIBAAN PERDANA MENTERI KE MAJLIS ITU DISAMBUT OLEH PRESIDEN MCA DATUK LEE SAN CHOON, NAIB-NAIB PRESIDENNYA DATUK MAK HON KAM DAN DATUK DR. NEO YEE PAN SERTA SETIAUSAHA AGUNGNYA, TAN SRI CHONG HON NYAN. TIMBALAN PRESIDEN MCA, DATUK RICHARD HO TIDAK HADIR.

-- BERNAMA 1405/SZ